

17 JUL 2002

Mahathir-SPR (Bergambar)

TERSERAH KEPADA SPR TENTUKAN CARA BERKEMPEN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 17 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menentukan tata cara kempen semasa pilihan raya beretika dan mengikut peraturan.

Katanya SPR sebagai badan yang bertanggungjawab dalam pengendalian dan perjalanan pilihan raya boleh membuat teguran terhadap parti-parti politik yang bertanding.

"Berdasarkan kepada laporan akhbar hari ini, SPR ada membuat teguran kepada kedua-dua parti (Barisan Nasional dan PAS yang bertanding satu lawan satu dalam pilihan raya kecil kerusi Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit)," kata Perdana Menteri kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa ditanya sama ada peraturan yang lebih ketat perlu diwujudkan bagi membendung kempen yang menggunakan taktik kotor, fitnah, memaki hamun dan serangan peribadi seperti yang berlaku sepanjang kempen lapan hari bagi pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit.

Beliau berpendapat bahawa SPR yang menyifatkan kempen pilihan raya di Pendang dan Anak Bukit sebagai "kasar dan biadab" serta membuat teguran terhadap kedua-dua parti, menunjukkan ia berkecuali dan tidak memihak kepada sesiapa.

Pengundian bagi kedua-dua pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit dijalankan esok.

Bagi kawasan Pendang calon BN Datuk Othman Abdul ditentang oleh calon PAS Dr Mohamed Hayati Othman manakala bagi Anak Bukit, Datuk Zakaria Said (BN) dicabar oleh Amiruddin Hamzah (PAS).

Kedua-dua kerusi itu menjadi kosong ekoran kematian wakil rakyatnya, Presiden PAS Datuk Fadzil Noor pada 23 Jun lepas.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata sebenarnya Umno yang mewakili BN dalam pilihan raya kecil itu amat tertib dan berdisiplin alam kempen mereka.

"Kalau parti Umno pasang sepanduk dan benderanya di tempat PAS dan orang PAS menyerang itu adalah reaksi yang tidak baik tetapi Umno memang berhak dan kita tidak tahan kalau PAS hendak pasang bendera," katanya.

Jika dibandingkan dengan Umno, katanya bilangan sepanduk dan bendera PAS yang dipasang semasa pilihan raya kecil itu didapati begitu banyak sekali.

"Saya pun hairan kerana ini semua (memerlukan) belanja besar, nampak kaya juga parti lawan ini," katanya.

Mengenai taktik kotor PAS yang menabur fitnah, mengedarkan poster beliau kononnya sebagai paderi besar katolik dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penjual babi, memaki hamun, mencerca serta mengugut, Dr Mahathir berkata ia adalah tindakan buruk dan keji PAS yang sepatutnya ditolak masyarakat.

Beliau berkata masyarakat sepatutnya menolak cara sedemikian dan orang yang menganjurkan perbuatan berkenaan.

"Amat malang negara kita kalau rakyat menerima cara yang kotor ini dan menyokong mereka kerana dengan itu Malaysia akan menjadi sebuah negara yang tidak bermoral yang tidak aman dan tenteram," katanya.

Mengenai pendedahan ada anggota PAS yang mengugut akan menceraikan isterinya jika mengundi BN dalam pilihan raya kecil itu, beliau berkata ia tidak sepatutnya berlaku kerana pemilihan yang dilakukan oleh pengundi itu

seharusnya kepada kebolehan calon untuk menyumbang dan mewakili rakyat dengan baik.

Katanya soal sokongan parti adalah politik semata-mata dan tidak ada kena mengena dengan soal peribadi malahan setiap orang berhak memilih siapa wakil mereka.

"Kalau bercerai semata-mata kerana isteri mempunyai pendirian politik yang lain itu tidak sewajarnya berlaku dan itu adalah cara diktator," katanya.

Ditanya mengenai pandangan pemerhati politik bahawa pilihan raya kecil kali ini "agak berat" bagi BN sehingga beliau turut pergi ke Pendang dan Anak Bukit Isnin lepas, Dr Mahathir berkata pemergiannya ke sana adalah untuk menghadiri acara rasmi melancarkan Hari Peladang, Nelayan dan Penternak di Pendang serta menyampaikan bantuan kepada pelajar di Anak Bukit yang telah diatur lebih awal.

"Pada masa yang sama Pendang adalah kawasan yang pernah saya wakili dulu dan saya berminat untuk melihat kawasan saya, itu sebabnya saya turun," katanya.

Mengenai usaha menarik balik sokongan orang Melayu kepada Umno daripada Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang dikatakan punca kekalahan BN pada pilihan raya umum 1999 di kedua-dua kawasan itu, Perdana Menteri berkata pengaruh parti itu dalam pilihan raya kali ini amat berkurangan.

Katanya sokongan orang Melayu terhadap Keadilan sudah tidak menjadi isu bahkan ramai anggota parti itu kini berasa kecewa dengan Keadilan dan keluar daripada parti itu.

Ditanya mengenai sumbangan derma Pemuda Umno kepada bekas setiausaha Badan Perhubungan PAS Terengganu Mohamed Rashid Su Mahmud yang kudung kaki kanan kerana dipotong akibat penyakit ganjil, Dr Mahathir berkata ia merupakan satu kebajikan sosial pergerakan itu.

"Kalau seseorang yang sakit atau kemalangan dan memerlukan bantuan, kita tidak harus kira dari parti mana dia datang. Kita lakukannya atas dasar peri kemanusiaan," katanya.

Mohamed Rashid yang menerima bantuan itu semalam melahirkan rasa kecewa terhadap PAS kerana melayannya seolah-olah pengemis jalanan apabila permohonannya untuk mengeluarkan wang caruman RM13,000 dalam syarikat milik parti itu tidak dilayan.

-- BERNAMA

HS ZS RON